

KETERANGAN MENGENAI ISTIADAT KONVOKESYEN KE-27 BAGI GRADUAN 2025 UNIVERSITI ISLAM MELAKA (UNIMEL)

1.0 TARIKH ISTIADAT KONVOKESYEN

1.1 Istiadat konvokesyen ke-27 akan diadakan pada masa dan tempat seperti berikut:-

Tarikh : 30 November 2025 (Ahad)
(9 Jamadilakhir 1447H)

Tempat : Melaka International Trade Centre (MITC)
Ayer Keroh, Melaka.

TARIKH / HARI	SIDANG/ MASA	FAKULTI / INSTITUT
30 November 2025	Sidang 1 : 8.00 pagi – 12.30 tengahari	i) Institut Pengajian Siswazah ii) Fakulti Keilmuan Islam iii Fakulti Pendidikan
	Sidang 2 : 2.00 petang – 5.30 petang	i) Fakulti Perniagaan, Hospitaliti dan Teknologi ii) Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa iii) Fakulti Sains Sosial iv) Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan

2.0 Kehadiran Graduan

- 2.1 Sebagaimana termaktub dalam Istiadat Konvokesyen UNIMEL, Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma hendaklah dikurniakan hanya kepada graduan yang hadir di sesuatu Majlis Konvokesyen.
- 2.2 Semua graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditetapkan.
- 2.3 Graduan **tidak dibenarkan** menangguhkan istiadat konvokesyen ataupun **mewakikan kepada orang lain** bagi menghadiri istiadat Konvokesyen.
- 2.4 Graduan **dilarang ber“selfie”** sepanjang berada didalam dewan semasa istiadat konvokesyen berlangsung termasuk di atas pentas iaitu sebelum / selepas menerima skrol.

- 2.5 Kehadiran graduan adalah tertakluk kepada semua yuran/denda graduan dengan pihak UNIMEL telah dijelaskan (sila rujuk dengan Bahagian Kewangan).
- 2.6 Oleh yang demikian, adalah mustahak bagi UNIMEL untuk mengetahui bilangan graduan yang hadir atau sebaliknya dan para graduan wajib **mengisi borang kehadiran** di *google form* yang disediakan <https://forms.gle/mD4uKKWtWufRc7rK8> selewat-lewatnya sehingga **27 November 2025**. (Link pengesahan kehadiran ini akan ditutup selepas tarikh akhir pengesahan)

3.0 Pengambilan dan Pemulangan Pakaian Akademik

- 3.1 Setiap graduan wajib untuk menyewa pakaian akademik yang merupakan **Jubah** (semua graduan), **Hud** dan **Mortarboard** (semua graduan) dengan kadar sewaan seperti berikut :-

Graduan	Kadar Sewa/ Helai
Graduan Master & Phd	RM 400.00
Graduan Ijazah Sarjana Muda, Diploma	RM 300.00

Kadar sewa pakaian akademik tersebut akan dikontra dari cagaran pelajar tertakluk kepada jumlah cagaran masing-masing.

Graduan yang mempunyai tunggakan yuran **TIDAK DIBENARKAN** untuk:

- Mengambil pakaian akademik (Jubah/ Hud/ Mortarboard)
- Menghadiri Istiadat Konvokesyen
- Mengambil sijil dan transkrip rasmi UNIMEL

- 3.2 Pakaian akademik boleh di ambil di Kampus Universiti Islam Melaka pada tarikh dan masa yang ditetapkan seperti berikut:-

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
PENGAMBILAN JUBAH	24 November 2025 – 28 November 2025	PAGI 8.30 pagi – 12.30 tengahari PETANG 2.30 petang – 4.30 petang	Auditorium Ibnu Khalidun, Universiti Islam Melaka.

Perhatian !! Pengambilan Jubah hanya dilakukan **di kampus Universiti Islam Melaka sahaja** mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di atas. Tiada pengambilan jubah dibuat semasa Istiadat Konvokesyen berlangsung.

Pastikan graduan **MENANDATANGANI** borang pengambilan dan pemulangan jubah di kaunter urusetia. Sekiranya graduan tidak berbuat demikian, urusetia menganggap graduan tidak memulangkan jubah dan denda akan dikenakan.

Salinan Kajian Pengesanan Graduan KPT hendaklah dikemukakan semasa mengambil pakaian akademik.

Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan jubah, boleh mewakili orang lain dengan mengisi borang wakil dan mengemukakan salinan kajian pengesanan graduan di kaunter pengambilan jubah. (Borang wakil boleh dimuat turun di website Portal Rasmi Graduan UNIMEL.

3.3 Pemulangan Pakaian Akademik

Pakaian akademik (jubah) yang dipinjamkan Wajib **dikembalikan semula** selepas istiadat konvokesyen berlangsung seperti tetapan berikut :-

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
PEMULANGAN JUBAH (Hari Konvokesyen)	30 November 2025	PAGI Selepas Sidang 1 PETANG Selepas Sidang 2 (Selewatnya sehingga 6 petang)	MITC Melaka

*** Sekiranya tiada pemulangan jubah pada hari Konvokeysen, Graduan akan dikenakan denda dan sijil serta transkrip akademik akan disekat.**

- 3.4 Jika pakaian akademik (jubah) yang dipinjam itu rosak, hilang atau tidak dipulangkan, denda akan dikenakan dan sijil ijazah/diploma tidak akan dikeluarkan sehingga denda tersebut dijelaskan. Bayaran tersebut adalah seperti berikut :-

	<u>Perkara</u>	<u>Denda</u>
JUBAH	- Hilang / Rosak	= RM 400.00/ helai
	- Hilang Hud (bagi ijazah)	= RM 100.00/ unit
	- Hilang Mortarboard (bagi ijazah)	= RM 100.00/ unit
	- Selimpang	= RM 150.00/ helai

- 3.5 Graduan tidak dibenarkan meminda/ mengubahsuai secara kekal (*tidak dibenarkan memotong*) mana-mana bahagian pakaian akademik (jubah) yang dipinjam.

4.0 Pakaian Akademik (Sehelai Jubah Konvokesyen)

- 4.1 Semua graduan yang menghadiri Istiadat Konvokesyen hendaklah, dalam majlis itu, berpakaian seperti berikut:-

- Lelaki** - Berbaju **MELAYU WARNA HITAM** beserta songket emas/hitam dan **BERSONGKOK HITAM** (kopiah tidak dibenarkan sama sekali) pakaian akademik (jubah konvokesyen) dan berstokin hitam serta bersepatu (warna hitam). ***Sandal tidak dibenarkan sama sekali.***
- Rambut dipotong pendek dan kemas.

- Bagi graduan **Non-Muslim** dan graduan antarabangsa pakaian adalah **lounge suit** (warna hitam).
- Ketinggian songkok yang di benarkan adalah antara 3-4 inci sahaja
- Wanita** - Baju Kurung (wajib kepada semua), **BERTUDUNG PUTIH**, serta pakaian akademik (**Kain belah serta pendek dan seluar tidak dibenarkan sama sekali**)
- Berstokin dan berkasut (bertutup penuh (warna hitam). **Sandal TIDAK DIBENARKAN sama sekali**)
- Bagi graduan **Non-Muslim** perlu berpakaian sopan. (Kain belah serta pendek dan seluar tidak dibenarkan sama sekali)
- Pemakaian niqab/ purdah **tidak dibenarkan**.

4.2 Istiadat Konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi. Para graduan diingatkan supaya mematuhi **peraturan pakaian** dan **kekemasan diri** yang telah ditetapkan. **Para graduan yang tidak mematuhi mana-mana peraturan pakaian/ kekemasan diri boleh hadir ke majlis tetapi TIDAK DIBENARKAN berarak serta naik ke pentas untuk upacara penganugerahan ijazah/ diploma.**

4.3 Tatacara pemakaian jubah boleh disemak di portal rasmi graduan.

5.0 Surat Jemputan

- 5.1 Setiap graduan menghadiri Istiadat Konvokesyen dibenarkan membawa 2 (dua) orang tetamu sahaja. (Kad Jemputan memasuki dewan boleh diambil di fakulti masing-masing semasa pengambilan jubah)
- 5.2 Graduan yang mempunyai **tunggakan** dengan bahagian kewangan tidak dibenarkan untuk menyertai Istiadat Konvokesyen ini.
- 5.3 **Kanak-kanak di bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.**

6.0 Taklimat dan Raptai

- 6.1 Satu taklimat dan raptai akan diadakan bagi graduan. Taklimat dan Raptai ini akan diadakan pada **29 November 2025 (Sabtu) jam 8.30 pagi di Dewan MITC Melaka.**

Semua Graduan dijemput untuk menghadiri taklimat dan raptai ini supaya lebih memahami acara yang akan dijalankan pada hari Konvokesyen nanti (Kehadiran adalah tidak wajib).

7.0 Perarakan Graduan Pada Hari Konvokesyen

- 7.1 Graduan yang hadir hendaklah berkumpul di (tempat berkumpul) di **Dewan Hall B, MITC** selewat-lewatnya pada **jam 8.00 pagi (sesi pagi) dan 2.00 petang (sesi petang).**
- 7.2 **Graduan yang lewat** tidak dibenarkan masuk untuk menyertai Istiadat Konvokesyen.
- 7.3 Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang ditetapkan. Bagi mengelakkan kesesakan lalulintas menuju ke dewan, para

graduan diminta mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pegawai-pegawai yang bertugas.

- 7.4 Graduan dan Penjaga yang hadir **DINASIHATKAN AGAR BERSARAPAN (SESI PAGI) DAN MAKAN TENGAHARI (SESI PETANG)** terlebih dahulu pada hari tersebut bagi mengelakkan berlaku sebarang masalah yang tidak diingini.
- 7.5 Graduan dan Penjaga yang hadir digalakkan untuk memakai pelitup muka semasa di dalam dewan.

8.0 Peraturan Masuk Dewan Bagi Tetamu Graduan

- 8.1 Pakaian
 - Baju Batik Malaysia (lelaki)
 - Pakaian Sopan dan menutup aurat (wanita)
- 8.2 **Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, Kamera, Perakam video dan telefon bimbit tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan semasa istiadat Konvokesyen berlangsung.**
- 8.3 Para jemputan diminta mengambil tempat duduk 30 minit sebelum istiadat konvokesyen bermula.
- 8.4 Setiap graduan dibenarkan untuk membawa 2 orang tetamu sahaja dan kupon masuk yang dikepilkan perlu dibawa bersama untuk kebenaran masuk di pintu utama.
- 8.5 Para hadirin **DIINGATKAN UNTUK BERSARAPAN (SESI PAGI) DAN MAKAN TENGAHARI (SESI PETANG)** terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan.

9.0 Cara Pengurniaan

- 9.1 Graduan akan menerima folder Ijazah/Diploma masing-masing secara individu di atas pentas yang akan disampaikan oleh Canselor/Naib Canselor UNIMEL.

10.0 Mengambil Sijil Ijazah/ Diploma dan transkrip keputusan peperiksaan

- 10.1 Graduan boleh mengambil transkrip penuh dan Ijazah/Diploma bermula pada **8 Disember 2025** di Kaunter Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti Islam Melaka tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-
 - 10.1.1 Graduan telah membayar yuran Istiadat Konvokesyen. Graduan yang tidak menghadiri konvokesyen juga wajib membayar yuran konvokesyen.
 - 10.1.2 Graduan telah memulangkan pakaian akademik (jubah).
 - 10.1.3 **Graduan yang masih berhutang hendaklah menjelaskan hutang sebelum sijil dan diploma dikeluarkan. Sila dapatkan resit/surat pengesahan dari bahagian Kewangan yang menyatakan hutang telah dijelaskan.**

- 10.1.4 Sekiranya graduan tidak dapat datang untuk mengambil sendiri sijil atau diplamanya beliau boleh **melantik seorang wakil untuk mengambil sijil atau diploma bagi pihaknya. Wakil perlu mengisi borang yang disediakan. Pos juga dibenarkan dengan mengisi borang kebenaran pos dan membuat bayaran pos.** Syarat- syarat diatas (10.1.1, 10.1.2 dan 10.1.3) juga perlu dipatuhi sebelum Sijil atau Diploma diserahkan kepada wakil. **(kehilangan sijil/ Ijazah/ diploma yang diambil oleh wakil adalah tanggungjawab graduan)**
- Sekiranya graduan mempunyai tunggakan yuran dan tidak membayar yuran konvokesyen, transkrip dan Ijazah/ diploma hanya boleh diambil setelah semua yuran dan tunggakan di selesaikan.

11.0 GAMBAR ISTIADAT KONVOKESYEN

Gambar istiadat konvokesyen akan diuruskan oleh pihak jurugambar rasmi Istiadat Konvokesyen ke-27 UNIMEL yang lantik oleh pihak UNIMEL.

Bayaran perkhidmatan gambar akan dimaklumkan di laman sesawang Konvokesyen UNIMEL . Graduan perlu membuat bayaran dan berurusan terus dengan pihak yang dilantik semasa urusan mengambil jubah di UNIMEL. Hanya jurugambar rasmi yang dilantik oleh pihak UNIMEL sahaja di beri kuasa untuk mengambil gambar rasmi para graduan.

Gambar Konvo di atas pentas sahaja yang **WAJIB** dibayar pada hari pengambilan jubah.

12.0 TINGKAHLAKU GRADUAN DAN TETAMU SEMASA ISTIADAT BERLANGSUNG

Pihak Urusetia Istiadat Konvokesyen kali ke-27 UNIMEL mengharapkan **kerjasama dan pertimbangan semua tetamu yang hadir agar menghormati dan patuh kepada arahan** yang diberikan oleh para pertugas istiadat konvokesyen UNIMEL dari semasa ke semasa agar perjalanan Istiadat Konvokesyen dapat berjalan dengan lancar.

WAJIB DILAKUKAN


KAJIAN PENGESANAN GRADUAN KPT

Untuk makluman para graduan Unit Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kini sedang melaksanakan satu Kajian pengesanan graduan. Ia dipantau sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang perlu di isi oleh para graduan.

Sehubungan dengan itu, para graduan UNIMEL adalah diwajibkan untuk melengkapkan kajian tersebut dengan melayari laman web Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menjawab kajian tersebut dan mula mengisi borang kajian tersebut bermula pada **19 NOVEMBER 2025**

Graduan yang tidak hadir pada Istiadat konvokesyen juga **WAJIB** menjawab **Kajian Pengesanan Graduan KPT** ini.

Carta alir bagi menjawab Kajian Pengesanan Graduan



Graduan perlu mencetak dan memberikan slip pengesahan pengisian kajian KPT sewaktu mengambil pakaian akademik (jubah). Graduan yang gagal menunjukkan bukti (slip cetakan) pengisian kajian tersebut **tidak dibenarkan** untuk mengambil jubah dan seterusnya tidak dibenarkan untuk terlibat di dalam istiadat penganugerahan ijazah/ diploma.

CARTA ALIR URUSAN PENGAMBILAN JUBAH

Nota :Graduan yang belum mengisi borang berhenti boleh mengambil borang tersebut di kaunter Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) terlebih dahulu. (WAJIB)

1. PUSTAKA AL-GHAZALI (PERPUSTAKAAN)

- Graduan membuat Kajian Pengesanan KPT. (Bagi Graduan yang belum menjawab)
- Graduan mendapatkan cop pengesahan di kaunter perpustakaan (Bagi yang belum mengisi borang berhenti sahaja)

(Kajian Pengesanan KPT boleh dibuat bermula **19 November 2025**.– Wajib dilakukan oleh graduan dan dicetak serta diserahkan di kaunter pengambilan Jubah)

2. AUDITORIUM IBNU KHALDUN

- Graduan menyerahkan Kajian Pengesanan Graduan KPT di kaunter Jubah.
- Graduan mengambil Jubah / Wakil perlu menyerahkan borang wakil kepada urusetia
- Pembayaran gambar konvo
- Graduan wajib mengisi borang keahlian alumni di *google form* yang disediakan.

3. FAKULTI

- Graduan mengambil Kad Undangan Ibu Bapa di kaunter Fakulti masing-masing.
- Graduan mendapatkan cop pengesahan di kaunter (Bagi yang belum mengisi borang berhenti sahaja)

Borang Berhenti perlu dihantar semula ke Bahagian Akademik selepas mendapat cop pengesahan disetiap Bahagian.

***Diingatkan graduan yang mempunyai Tunggakkan Yuran/Denda dan tidak membayar yuran konvokesyen tidak layak untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen UNIMEL.
Terima Kasih.***

***Wakil perlu mengikut prosedur yang sama**
(borang Alumni & borang wakil ambil jubah boleh dimuat turun di website konvokesyen UNIMEL)



الجامعة الإسلامية بملاكا
**UNIVERSITI
ISLAM MELAKA**

ISTIADAT KONVOKESYEN KE-27 UNIVERSITI ISLAM MELAKA

MAKLUMAT AM DAN TARIKH PENTING

Tarikh Konvokesyen : 30 November 2025
Hari : Ahad
Tempat : Melaka International Trade Centre (MITC)
Ayer Keroh Melaka

TARIKH	PERKARA
19.11.2025	: Graduan mula menjawab soal kaji selidik Kajian Pengesanan Graduan KPT (SKPG) (Wajib).
24.11.2025	: Tarikh mula mengambil Jubah di UNIMEL.
27.11.2025	Tarikh akhir pengesahan kehadiran
28.11.2025	: Tarikh akhir pengambilan jubah
30.11.2025	: Istiadat Konvokesyen berlangsung : Pemulangan Jubah Graduan di MITC
8.12.2025	: Pengambilan Sijil dan Transkrip di Kaunter BHEA UNIMEL

Yuran perlu dibayar :-

- Sewaan Jubah Konvokesyen : Kontra dari cagaran
- Gambar : Boleh dibayar semasa pengambilan jubah

TAMAT